



Ruj Kami : JANM.BPOPA.600-1/4/1 (27)

Tarikh : 17 Oktober 2021

**Semua Ketua Akauntan Kementerian**

**Semua Pengarah Negeri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

Tuan/ Puan,

**PENGESAHAN BAKI DAN VERIFIKASI ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pelaporan kedudukan aset perlu dipastikan betul bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan memberi gambaran benar dan saksama. Tanggungjawab dan akauntabiliti bagi memastikan kedudukan aset hendaklah dilaksanakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) pemilik aset berkenaan.

3. Sehubungan itu, tindakan pengesahan baki dan verifikasi aset bukan kewangan bagi Tahun Kewangan 2021 hendaklah dilaksanakan. Tindakan pengesahan ini akan bermula dari **12 Oktober hingga 31 Disember 2021** dan melibatkan tiga (3) peringkat iaitu di PTJ dipertanggung (PTJ), Pejabat Perakaunan (AO) dan Bahagian Akaun Kementerian (BA) seperti berikut;

TINDAKAN	LAPORAN	PENERIMA / TARIKH SERAHAN
PTJ	<ul style="list-style-type: none"><li>Laporan A1 - Laporan Pengesahan Baki dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan</li><li>Laporan A2 - Senarai Aset Wujud Tetapi Tiada Di LBA</li><li>Laporan A3 - Senarai Aset Tidak Wujud Tetapi Ada Di LBA</li><li>Laporan Baki Aset (LBA) Kemaskini</li><li>Laporan Penjejasan Aset</li></ul>	AO / 12 Nov. 2021
AO	<ul style="list-style-type: none"><li>Laporan B1 - Laporan Pengesahan Baki dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan</li><li>Laporan B2 - Senarai Aset Wujud Tetapi Tiada Di LBA</li><li>Laporan B3 - Senarai Aset Tidak Wujud Tetapi Ada Di LBA</li></ul>	BA / 26 Nov. 2021
BA	<ul style="list-style-type: none"><li>Laporan C1 - Laporan Pengesahan Baki dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan</li><li>Laporan C2 - Senarai Aset Wujud Tetapi Tiada Di LBA</li><li>Laporan C3 - Senarai Aset Tidak Wujud Tetapi Ada Di LBA</li></ul>	BPOPA / 24 Dis. 2021

4. Bersama-sama ini dikemukakan panduan dan templat kosong bagi tujuan tindakan verifikasi seperti berikut:

- i. **Lampiran 1** - Panduan Pengesahan Baki dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan;
  - **Lampiran 1A** - Tatacara Pengesahan Baki Dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan Kerajaan Persekutuan oleh PTJ.
  - **Lampiran 1B** - Tatacara Pengesahan Baki Dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan Kerajaan Persekutuan oleh Pejabat Perakaunan
  - **Lampiran 1C** - Tatacara Pengesahan Baki Dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan Kerajaan Persekutuan oleh Bahagian Akaun Kementerian.
- ii. **Lampiran 2** - Carta Tanggungjawab dan Penyerahan Laporan Pengesahan;
- iii. **Lampiran 3** - Jadual Aktiviti Penyerahan Pengesahan Baki Dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan Kerajaan Persekutuan;
- iv. **Lampiran 4** - Panduan Muat Turun Data Baki Aset Bukan Kewangan Di Laporan S\_PLO\_86000030; dan
- v. **Lampiran 5** - Panduan Muat Turun Data Baki Aset Bukan Kewangan Di Analyzer (BWBI).

5. BA, AO dan PTJ perlu mematuhi tarikh serahan laporan seperti di perenggan 3. BA diminta untuk mengemukakan laporan pengesahan kepada Unit Perakaunan Aset dan Inventori Persekutuan (UPAIP), Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat & Agensi (BPOPA) melalui emel (*softcopy*) [upaip.bpopa@anm.gov.my](mailto:upaip.bpopa@anm.gov.my) sebelum atau pada **24 Disember 2021**.

6. Perhatian dan kerjasama Tuan/ Puan dalam melaksanakan tindakan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD REDZUAN BIN HASAN C.A.(M))**  
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)  
b.p Akauntan Negara Malaysia

s.k: ANM  
P BPOPA  
P BPOPP  
P BKP